

Jurnal Ilmu Kemanusiaan dan Sains Kemasyarakatan
Universiti Kebangsaan Malaysia

AKADEMIKA

Journal of Humanities and Social Sciences
The National University of Malaysia

Bilangan
Number 12

Kandungan
Contents

Januari
January 1978

Haji Wan Musa b. Abdul Samad—
Ulama Islah di Kota Baharu

Mohd. Sarim Hj.
Mustajab

1

Sebutan Bahasa China Melalui
Sistem *Pinyin*

Tong Sem-Ting

25

Evolution of Policies Affecting
Land Settlement Schemes in
Malaysia

Samaruddin Rejab

39

A Demand Equation for West
Malaysian Imports

Mohammad Haji Alias

53

Polygamy and Divorce in Indonesia:
The New Marriage Law

H. Jathar Salij

65

Adlocution in French and Malay in
Parallel

Laurent Metzger

77

**HAJI WAN MUSA B. ABDUL SAMAD—
ULAMA ISLAH DI KOTA BAHARU**

MOHD SARIM HJ MUSTAJAB
Universiti Kebangsaan Malaysia

SINOPSIS

Berbanding dengan perkembangan yang berlaku di Negeri Selat dan juga di Pantai Barat Tanah Melayu, kegiatan Islah Islam yang berlaku di bandar Kota Baharu Kelantan terutama pada penghujung tahun 1930an banyak berputar di sekitar aktiviti Haji Wan Musa b. Abdul Samad. Terkenal sebagai seorang ulama 'alim yang mendapat bimbingan agama dari ayahandanya Tuan Tabal, Haji Wan Musa memperlihatkan kecenderungannya ke arah aktiviti Islah Islam tatkala beliau mula berkonfrantasi dengan beberapa orang tokoh agama yang bekerja dengan "establishment" pada tahap 1915. Kelainan pendapat serta pendekatannya yang berbeda terhadap masalah agama menyebabkan beliau senantiasanya dikonfrantasi oleh ulama-ulama yang bertugas dengan Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan.

SYNOPSIS

In contrast with the fairly widespread developments in the Straits Settlements and the Western Malay States, Islamic reformist movement in Kota Baharu, Kelantan, particularly in the late 1930s, could be said to have been centred around single personality, Haji Wan Musa bin Abdul Samad. An ulama of high repute, Haji Wan Musa received his religious education from his famous father, Tuan Tabal. His reformist leanings first became public in 1915 when he had a "confrontation" with some ulamas of the Kelantan establishment on a matter of religious interpretation. It was his stand that precipitated a drawn out conflict with the ulamas of the Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu.

Gerakan Islah yang berlaku di Pantai Barat Tanah Melayu dipelupuri oleh golongan Al-Imam turut mempengaruhi samada secara langsung atau pun tidak perkembangan alam fikiran umat Islam di Kelantan istimewa sekali di Bandar Kota Baharu. Sebagai sebuah bandar tua yang mempunyai penduduk indigenously orang Melayu yang hampir keseluruhannya beragama Islam, maka segala aktiviti yang berbau agama senantiasanya menarik minat orang ramai. Malah boleh dikatakan sejak penghujung abad ke sembilan belas, Kota Baharu telah menjadi pusat kegiatan agama menggantikan Petani yang satu ketika dahulu terkenal sebagai pusat ke-

giatan agama Islam di Nusantara. Di bandar inilah juga banyak muncul ulama-ulama yang berjaya menghasilkan karya-karya agama mereka samada dalam bentuk terjemahan, adaptasi atau pun hasil karya asli mereka sendiri. Selain dari itu kegiatan Tarekat ahli-ahli Sufi dari berbagai aliran turut menarik minat orang ramai malah pada satu peringkat pernah mengancam *status quo* golongan pemerintah.

Di antara banyak ulama yang terdapat di bandar itu beberapa orang dari mereka disanjung dan dianggap alim serta ahli dalam bidang ilmu mereka. Mereka terdiri dari Haji Wan Ali Kutan bin Abdul Rahman al-Kelantani,¹ seorang ulama yang menjalankan kegiatan agamanya berhampiran dengan bandar Kota Baharu. Hj. Wan Ali dianggap sebagai pengasas Tarekat Al-Shazaliyah di bandar itu dan keahliannya dikatakan dalam bidang ilmu Tasawuf dan Usuluddin. Sepanjang hayatnya beliau banyak menghasilkan kitab-kitab agama yang lebih mengutamakan zikir.² Selain dari itu terdapat seorang lagi ulama yang terkenal di bandar Kota Baharu iaitu Haji Abdul Samad bin Mohammad Salleh al-Kelantani, digelar juga Tuan Tabal.³ Lahir lebih kurang pada tahun 1840 dan meninggal pada tahun 1891 beliau diberi gelaran Tuan Tabal berdasarkan tempat asalnya iaitu dari Tabal yang sekarang ini di dalam Wilayah Selatan Negeri Siam. Tuan Tabal mendapat didikan agama di Petani dan Mekah.⁴ Kealimannya dikatakan di dalam ilmu Fiqh, Usuluddin dan Tasawuf. Sebagai pengasas aliran Tasawuf 'Wahdatul Wujud' dan Tarekat Ahmadiyah,⁵ beliau dihormati serta dipandang hebat oleh ulama-ulama lain di Kota Baharu kecuali seorang iaitu Tok Kono.⁶ Di samping Tuan Tabal

1 Beliau dilahirkan pada tahun 1837 Masehi di Kutan berdekatan dengan Pasir Pekan dan meninggal di Mekah pada tahun 1912. Ilmu Tasawuf beliau mengikut aliran tarikh Al-Shazaliyah dan Saiyidi Abi Al-Hassan Al-Shazal dan Saiyidi Ahmad Al-Badawi. Lihat Abdul Rahman al-Ahmadi, *Pengantar Sastera*, Kelantan, Pustaka Aman, 1966, h. 163.

2 Beberapa buah kitab yang merupakan hasil karyanya terdiri dari *Al-Jawharil Maulub*, *Zahratul Marid Fil Aqaidil Tauhid*, *Lamatul Aurad* dan *Majmu' al Qasaid*.

3 Tuan Tabal pada mulanya mendapat pendidikan agama di pondok Petani Selatan Siam. Selepas itu beliau berhijrah ke Mekah langsung berguru dengan Sidi Ibrahim seorang murid kepada Sidi Ahmad Ibnu Idris, pengasas tarekat Ahmadiyah di Afrika Utara. Di Kota Baharu Tuan Tabal berkahwin dengan Wan Som, anak Tok Semian seorang pembesar Kelantan. Mengenai Tuan Tabal lihat seterusnya, Muhammad 'Uthman El Muhammadiyah, 'Peranan Intelektual (Ulama) Islam di Malaysia Dalam Pembentukan Kebudayaan', *Dewan Bahasa*, Jil. XVII, Bil. 10, Okt., 1973, h. 438-449 dan Muhammad 'Uthman El Muhammadiyah, "Ajaran Tasawuf Tuan Tabal dalam Jalā 'al-Qūlūb," *NUSANTARA*, Bil. I, Th. I, 1971, h. 114-133.

4 Dikatakan Tuan Tabal telah menghasilkan beberapa buah kitab di antara yang diketahui ialah *Jalā 'al-Qūlūb*, sebuah kitab tasawuf; *Minhatul-Qarib*; berupa kitab ilmu fiqh dan ilmu tasawuf serta beberapa buah yang lain termasuk *Munyatu Ahli-Awbah Fi Bayani Ta'awiah*; *Kifayat Al-'Awam*; *Bidyatul Talim* dan *Munabbihu'l Ghafilin* yang masing-masing memperkatakan persoalan-persoalan samada mengenai fiqh, tasawuf, usul dan sebagainya.

5 Untuk keterangan mengenai tarekat Ahmadiyah sila lihat J. Spencer Trimmingham, *The Sufi Orders in Islam*, London, Oxford University Press, 1971, h. 114-16.

6 Namanya yang sebenar ialah Haji Nik Zainal Abidin dan hidup sezaman dengan Tuan Tabal. Keahliannya terletak kepada kecekapannya membaca al-Quran. Dika-

terdapat seorang ulama yang berasal dari Negeri Sembilan iaitu Haji Encik Aiid (Said) *sic* bin Haji Encik Din Lengke (Linggi) *sic* tetapi telah lama di Kampung Atas Banggol di daerah Kota Baharu. Gurunya ialah Syeikh Muhammad Dandrawi. Haji Encik Aiid bersama-sama Tuan Tabal dikatakan telah memperhebatkan ajaran Tarekat Ahmadiyah di bandar Kota Baharu, malah kehebatan ajaran Haji Encik Aiid ini akhirnya mengakibatkan ramai penduduk di Kota Baharu menjadi *Majzub* (tidak sedarkan diri sebab terlalu Khosok) sehingga menimbulkan kegoncangan di kalangan golongan pemerintah di Istana Kota Baharu.⁷ Akhir sekali terdapat seorang lagi ulama yang tidak kurang popular iaitu Haji Nik Wan Daud bin Haji Wan Sulaiman, berasal dari Kampung Atas Banggol, Kota Baharu. Beliau dikatakan mendapat didikan agama di Mekah al Mukaramah dan kealimannya dikatakan dalam bidang ilmu Fiqh. Beliau pernah menjadi Imam Tua Masjid Besar Kota Baharu dan dilantik sebagai Mufti sehingga tarikh kematiannya pada tahun 1908 Masehi.

Kecenderungan masyarakat terhadap perkara agama ini didorong oleh suasana di sekitar bandar Kota Baharu sendiri di mana Masjid Besar⁸ yang didirikan di tengah-tengah bandar itu menjadi tumpuan para ulama dan murid-murid agama, yang senantiasa mendahagakan pengetahuan agama. Di sinilah pusat di mana mereka dapat berbincang serta bertukar ilmu ataupun kalau tidak, cuma untuk datang mendengar syarahan agama yang diberi oleh ulama-ulama terkemuka yang berkunjung ke bandar itu. Selain dari itu di sekitar pelusuk negeri Kelantan sendiri banyak terdapat bertaburan sekolah pondok⁹ dan bangunan masjid, surau serta madrasah

takan Tok Kono pernah berselisih faham dengan Tuan Tabal berpunca dari soal yang berkaitan dengan hal agama.

- 7 Ajaran tarekat Ahmadiyah oleh Haji Encik Aiid [Said] *sic* ini menimbulkan dua puak di Kota Baharu iaitu di antara mereka yang menyokong dan yang menentang beliau. Untuk mencari penyelesaian kepada keadaan itu Sultan telah menulis surat kepada seorang ulama besar di Mekah waktu itu, Haji Wan Ahmad bin Zain b. Mustapha bin Mohd. Al-Patani mengenai kebenaran ajaran Haji Encik Aiid itu. Dalam jawapannya kepada Sultan Kelantan Haji Wan Ahmad Patani telah menerangkan dengan panjang lebar mengenai pengertian tasawuf, tarekat dan sebagainya. Untuk butiran lanjut mengenai soalan Sultan dan fatwa Hj. Wan Ahmad Patani—lihat Syeikh Ahmad b. Mohd. Zain bin Mustapha al-Patani, *Kitab Al-Fatawa al-Fattaniyah*, Kota Baharu, Al-Kamaliyah Press, n.d. h. 236-79.
- 8 Masjid Besar yang dimaksudkan, bukanlah masjid Muhammadi yang terdapat di Kota Baharu hari ini tetapi adalah masjid kayu yang terdiri di tapak yang sama, sebelum terdirinya masjid batu. Pada waktu itu di sekeliling masjid tersebut terdapat pondok-pondok kecil didirikan oleh penuntut-penuntut yang datang dari jauh dan dekat untuk menadah kitab dari guru-guru agama yang banyak berkunjung ke situ. Malahan pada tahun 1916 pentadbiran agama di Kelantan ada menyediakan guru untuk mengajar rukun Islam. Lihat Kel. P.M. 9/16; juga Kel. P.M. 415/20.
- 9 Di Kota Baharu waktu itu terdapat beberapa buah sekolah pondok didirikan sekeliling surau guru-guru agama terkemuka di bandar itu antaranya termasuk, Pondok Tok Kenali, Kubang Kerian; Pondok Haji Abdullah Tahir, Bunut Payong; Pondok Haji Umar Nuruddin di Sungai Keladi dua batu dari Kota Baharu; Pondok Haji Wan Musa, Jalan Merbau; Pondok Haji Mat Manan yang terletak berhampiran pondok Hj. Wan Musa dan pondok Haji Nik Wan Abdullah di Jalan Tok Semian. Selain dari itu terdapat juga guru-guru yang mengajar agama tanpa pondok, di antaranya ialah Haji Ali Sallehuddin; Haji Taib bin Haji Yaacob bergelar Tuan Pa-

yang dibina oleh orang ramai ataupun hasil dari harta yang diwakafkan, semata-mata untuk melayani kecenderungan serta minat beragama masyarakat Islam di negeri itu. Pendeknya pada waktu itu apa saja yang berbau agama akan menarik perhatian masyarakat. Dengan finomina ini tidaklah menghairankan jika para ulama muncul sebagai golongan yang menduduki hairaki tertinggi di samping golongan raja dan pemerintah negeri, dalam susunlapis (*social stratification*) masyarakat itu.¹⁰ Dengan kedudukan istimewa yang diberi oleh masyarakat kepada golongan ulama ini maka tidaklah menghairankan jika seseorang ulama itu mempunyai ramai pengikut dan muridnya. Lazimnya nasihat serta fatwa yang dikemukakan oleh seseorang ulama mengenai sesuatu masalah agama jarang sekali ditentang, malah masyarakat menganggap sebagai *derhaka* kepada mereka yang cuba mempersoalkan fatwa atau ajaran gurunya.

Keutamaan Kota Baharu sebagai pusat segala aktiviti Islah berpunca dari adanya golongan ulama yang cuba membawa perubahan baru kepada alam pemikiran beragama yang tradisional di Bandar itu. Kegiatan Islah di Bandar Kota Baharu ini boleh dikatakan bermula di sekitar aktiviti seorang tokoh agama yang alim serta radikal iaitu Haji Wan Musa b. Abdul Samad.¹¹ Lahir dari lingkungan keluarga yang alim, Haji Wan Musa dikatakan mempunyai konsep agama yang berlainan dari pandangan agama kebanyakan guru-guru agama serta ulama-ulama tradisional di bandar itu. Kelainan Haji Wan Musa ini terletak kepada pendekatan dan cara beliau melihat bagaimana prinsip-prinsip agama Islam itu patut disampaikan kepada orang ramai. Berlainan dari ulama-ulama yang hidup sezaman dengannya di Kota Baharu,¹² beliau senantiasa membuka-

dang; Haji Yaacob bin Haji Ahmad di Lorong Gajah Mati; Tok Khurasan di Kampung Sireh; Haji Daud dan Pak Cik Musa serta akhir sekali Haji Wan Hassan Kemboja di jalan Atas Banggol.

10 Di Kelantan, sebelum tertubuhnya Majlis Ugama Islam Kelantan Kerajaan mengisiharkan satu hari kelepasan kepada orang ramai kiranya mati seorang Mufti. Lihat Kel. B.A. 1739/27. Deraf. Ag. British Adviser R. Clayton kepada Datuk Perdana Menteri, 17 Dis., 1927.

11 Lihat Muhammad Salleh b. Wan Musa (with S. Othman Kelantan), "Theological Debates: Wan Musa b. Haji Abdul Samad & His Family," William R. Roff, ed., *Kelantan, Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur, Oxford University Press, 1974, h. 101-52. Juga lihat Nik Abdul Aziz b. Haji Nik Hassan, "Sejarah Gerakan Dan Perkembangan Alam Pemikiran Islam Di Jajahan Kota Bharu 1900-1940", Tesis Sarjana Muda, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1973, h. 32-38 dan 87-102. Cf. Mohd. Sarim Hj. Mustajab, 'Islam dan Perkembangannya Dalam Masyarakat Melayu Di Semenanjung Tanah Melayu 1900-1940an', Tesis Sarjana Sastera, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1975, h. 62-90.

12 Beberapa orang ulama hidup sezaman dengan Haji Wan Musa terdiri dari, Tok Kenali, Haji Daud, Haji Musa atau Pak Cik Musa, Haji Nik Wan Ahmad, Haji Nik Wan Abdullah, Haji Wan Hassan Kemboja, Haji Taib, Haji Nik Man, Haji Abdullah Tahir, Haji Wan Ahmad Kemboja, Haji Yaakob b. Hj. Ahmad, Haji Asaad bin Haji Daud, Maulana Ishak, Haji Mat Manan, Mufti Haji Idris, Haji Wan Ishak, Haji Said; Encik Yaakob Legor, Mufti Haji Ibrahim Penambang dan Haji Ahmad Mahir.

kan fikirannya untuk menerima dan mengadakan adaptasi kepada pendekatan-pendekatan baru dalam menghurai dan mencerakin masalah-masalah agama yang timbul waktu itu. Akibat dari kelainan konsep agamanya inilah, beliau terpaksa berkonfrontasi dengan beberapa orang ulama di Kota Baharu yang tidak bersetuju dengan pendapatnya.¹³

Tinjauan kepada aktiviti sebagai seorang tokoh agama dan tokoh Islah menunjukkan bahawa pengalamannya begitu kompleks sekali. Haji Wan Musa ialah anak ketiga kepada Tuan Tabal, lahir di Kota Baharu di Lorong Tok Semian pada tahun 1874M dan meninggal pada tahun 1938M. Sejak kecil lagi beliau telah diberi didikan agama oleh ayahnya sendiri, terutama tentang disiplin ilmu Fiqh, Usuluddin dan Tasawuf. Dalam bidang ilmu Tasawuf beliau telah diperkenalkan oleh ayahnya jalan Tarikat Abu'l-Hassan ash-Shādhili, yang begitu popular diminati oleh masyarakat Kota Baharu waktu itu.¹⁴ Dikatakan ketika umurnya lima belas tahun, beliau telah dibawa oleh ayahnya berhijrah ke Kota suci Mekah untuk memperdalamkan ilmu agamanya. Di Mekah Haji Wan Musa telah berguru dengan Tuan Haji Ahmad b. Mohd Zain b. Mustafa al-Patani seorang ulama yang banyak mengajar penuntut-penuntut Jawi.¹⁵ Melalui guru ini beliau diperkenalkan bukan sahaja dengan pengetahuan agama, malah fikirannya mula terbuka untuk memahami dan menganalisa masalah dan siasah dunia.¹⁶

MENJADI MUFTI KELANTAN

Tamat pengajiannya Haji Wan Musa kembali ke Kota Baharu pada tahun 1896 dengan harapan untuk mempertajamkan lagi ilmunya serta mengajar penuntut-penuntut agama tentang ilmu yang baru diterimanya. Di Kota Baharu beliau berkahwin dengan Nik Zainab bte Nik Yahya¹⁷ dan sebagaimana dengan guru-guru agama yang lain di bandar itu beliau mendirikan surau berhampiran dengan rumahnya. Surau ini akhirnya dibanjiri oleh murid-murid dari jauh dan dekat yang mendirikan pondok disekelilingnya.¹⁸ Kealiman Haji Wan Musa semakin ketara lagi apabila Sultan Muhammad ke IV menjemput beliau pada tahun 1908, untuk mengisi jawatan Mufti di negeri itu, menggantikan Mufti Haji Wan Daud

13 Lihat 'Masalah suci anjing,' *Al-Hikmah*, Bil. 138, th. 4, (1 Mei, 1937), h. 10.

14 Roff, ed., *Kelantan*, h. 155.

15 Mengenai ulama ini lihat Snouck Hurgranje, *Mekka, In the Latter Part of the 19th Century*, trans., J.H. Monahan, Leyden, E.J. Brill, Ltd., 1931.

16 *Ibid.*, h. 155-6 dan Nik Aziz, 'Gerakan', h. 33.

17 *Ibid.*, h. 156. Dikatakan bahawa sebelum ini beliau pernah berkahwin dengan Nik Jah dari keluarga Nik Wan Zainab di Kampung Atas Banggol begitu juga dengan Wan Embong dari tempat yang sama; tetapi kedua-dua perkahwinan berakhir dengan perpisahan.

18 Nik Aziz menyatakan melalui sumber lisan yang diperolehinya sebanyak 20 buah pondok didirikan sekeliling surau Haji Wan Musa di Jalan Merbau. Cf. Nik, 'Gerakan', h. 78.

yang baru saja meninggal.¹⁹ Tawaran itu diterimanya bukan saja sebagai satu cabaran tetapi disebaliknya untuk memperteguhkan lagi tradisi kealiman keluarganya yang pernah diasaskan oleh ayahnya Tuan Tabal.

Semasa menjadi Mufti beliau telah cuba seboleh-bolehnya mematuhi ajaran al-Quran dalam segala aspek hubungannya dengan pentadbiran agama di negeri itu. Terkenal sebagai seorang ulama alim yang “pongoh” (pemarah) *sic*,²⁰ Haji Wan Musa pernah menentang kelonggaran undang-undang memaksa orang sembahyang di Surau Besar pada hari Jumaat.²¹ Alasan yang diberi ialah, dengan kelonggaran itu nanti orang ramai akan melengah-lengahkan tugas mereka apabila sampai waktu sembahyang pada hari Jumaat. Kedua, kelonggaran undang-undang itu juga akan mengurangkan wang denda yang diperolehi oleh Jabatannya untuk menjalankan pentadbiran agama. Beliau yakin bahawa kelicinan perjalanan pentadbiran agama cuma boleh tercapai sekiranya kedudukan kewangan dalam keadaan stabil. Untuk menambah lagi hasil pentadbiran agama, beliau mencadangkan supaya hasil Pendaftaran Nikah Cerai Orang-orang Islam yang dikutip tiap-tiap tahun itu digunakan untuk perjalanan pentadbiran agama. Alasannya ialah di Negeri-negeri Melayu Bersekutu, kerajaan tidak mengambil hasil Nikah Cerai dan wang kebetulan terpujang kepada Juru Nikah sahaja. Kedua, beliau mencadangkan supaya “fasal saman orang yang meninggalkan Jumaat itu mengikut bagaimana notis dahulu hanya dikecualikan di dalam masa hujan bah sahaja ...”²² Nampaknya rancangan Haji Wan Musa itu dipersetujui oleh Sultan yang mempersembahkan perkara tersebut kepada Penasihat British. Akhirnya persetujuan dicapai untuk menguntukkan wang pendapatan Nikah Cerai Orang-orang Islam sebanyak \$1,500 tiap-tiap tahun ke dalam tabung Wang Khairat agama Islam.²³ Walaupun langkah yang dicadangkan itu merupakan langkah sementara namun pada satu aspek ia menunjukkan inisiatif Haji Wan Musa selaku Mufti untuk mengatasi kerumitan masalah kewangan yang dialami waktu itu.

19 Ada pendapat mengatakan pemilihan Haji Wan Musa sebagai Mufti itu dilakukan bukan saja kerana kealiman dan keahwalannya dalam ilmu agama malah dikatakan pemilihan itu didasarkan juga dari kealiman yang pernah diasaskan oleh Tuan Tabal. Umumnya masyarakat lebih senang melihat Mufti mereka dilantik dari keluarga Tuan Tabal sendiri.

20 Lihat *Pengasuh*, Jil. 3, Bil. 62 (26 Dis., 1920), h. 3. Juga lihat Kel. P.M. 316/13, Mufti kepada Sultan, 12 Okt., 1913.

21 Kel. M. 48/1915, Mufti kepada British Adviser, 10 Mac, 1915, Bil. 116/15.

22 *Ibid.* Untuk memastikan wang digunakan dengan sempurna, Mufti mencadangkan supaya wang denda yang dipungut dari orang-orang yang tidak menghadirkan diri bersembahyang di Masjid, jangan digunakan lagi untuk perbelanjaan jamuan di Masjid besar sebagaimana biasa dilakukan. Lihat Kel. P.B. 108/1915, Mufti kepada Sultan Muhammad, 13 April 1914.

23 Kel. M. 71/1915, Mufti kepada British Adviser, 20 Julai, 1915. Cadangan Mufti itu didasar dari laporan yang menyatakan bahawa wang sebanyak \$12,000 telah dikumpulkan tiap-tiap tahun hasil dari wang Pendapatan Nikah Cerai orang-orang Islam.

Jawatan Mufti yang disandanginya tidak lama kekal kerana pada tahun 1915 akibat dari satu kisah perselisihan harta pusaka antara Tengku Embong bte Al-Marhum Raja Patani dari Kampung Kota Baharu dengan Tengku Putri bt. Al-Marhum Sultan Tengah juga dari Kampung Kota Baharu²⁴ beliau dikatakan telah diturunkan dari jawatan Muftinya oleh Sultan Mohammad IV. Perselisihan harta pusaka itu timbul setelah Tengku Putri, yang kebetulan Emak saudara kepada Sultan Muhammad ke IV, gagal menyerah kembali segala harta pusaka diamanahkan oleh Tengku Embong kepada beliau menjaganya sewaktu Tengku Embong belayar ke Mekah untuk menunaikan fardhu Haji. Tengku Embong dikatakan banyak menerima harta pusaka yang terdiri dari kebun kelapa, tanah sawah dan sebagainya, dari ayahnya di Kelantan selepas beliau bercerai dengan Raja Kelantan. Sewaktu hendak pergi ke Mekah dan disebabkan ketiadaan anak, Tengku Embong akhirnya mengamanahkan harta beliau itu buat sementara waktu kepada Tengku Puteri.²⁵ Semasa di Mekah, Tengku Embong dilaporkan telah berkahwin dengan seorang kebanyakan, (orang biasa dan bukan dari keturunan darah raja), Samsuddin dari Lundang di Jajahan Kota Baharu. Sekembali ke Kota Baharu, Tengku Embong mendapati bahawa Tengku Puteri enggan menyerah semula harta pusaka yang diamanahkan itu dan ekoran dari peristiwa ini, Tengku Embong telah mengadu kepada Mahkamah Syariah untuk mencari pertimbangan yang adil.

Sebagai seorang Mufti dan Ketua di Mahkamah Syariah, Haji Wan Musa ditugaskan untuk mengadili perselisihan yang sensitif itu. Setelah menimbangkan issue perselisihan itu dengan saksama dan sesuai dengan sifatnya sebagai ulama yang kuat berpegang kepada ajaran al-Quran dan Hadis, Haji Wan Musa telah memberi kemenangan kepada Tengku Embong.²⁶ Dikatakan keputusan Mufti Haji Wan Musa itu tidak diperseujui oleh Sultan.²⁷ Sebagai seorang raja yang mengepalai institusi pen-

24 Lihat Kel. P.M. 147/13, Tengku Embong kepada Sultan Muhammad n.d. Tengku Embong dikatakan telah membuat petition untuk mendakwa Tengku Puteri. Juga lihat jawapan Sultan Muhammad kepada wakil Tengku Embong, Tuan Lingham Carter, dalam Kel. P.M. 183/31, Minit Sultan kepada Lingham Carter, 12 Mei 1913.

25 Kel. K. 4/1916, Tengku Embong kepada Sultan Muhammad, 19 Syawal 1322. Dalam surat rayunya kepada Sultan Muhammad, Tengku Embong telah menurunkan segala harta pusakanya yang telah diamanahkan kepada Tengku Puteri untuk menjaganya, kebanyakan terdiri dari kebun kelapa, dusun buah-buahan dan sawah padi.

26 Perselisihan antara Sultan dengan Mufti Haji Wan Musa terletak atas soal menginterpretasikan *harta pesaka* dengan harta *Bayt ul-Mal* yang berbangkit dalam keluarga di raja itu. Keputusan Haji Wan Musa dikatakan bertentangan dengan kehendak Sultan di mana mengikut Sultan, dalam perkara tertentu, harta pesaka boleh dibahagi mengikut sama rata kiranya terdapat waris pada simati. Mufti Haji Wan Musa pula berpendapat bahawa dalam keadaan di mana simati ada meninggalkan waris tetapi waris itu tidak berhak menerima kesemua harta tersebut, maka harta yang selebihnya boleh dijadikan harta *Bayt ul-Mal*. Lihat Kel. K. 636/1916.

27 Ada fakta yang dikemukakan bahawa sebelum perbicaraan dilakukan oleh Mufti,

tadbiran agama di negeri itu maka sudah sewajarnya sebarang perlaksanaan perkara-perkara mengenai agama Islam sekurang-kurangnya mestilah dirojok kepada persetujuan beliau terlebih dahulu. Bagaimanapun dalam konteks ini, soal yang berbangkit melibatkan issue perundangan Islam dan dalam hal ini Mufti selaku ketua di Mahkamah Syariah mempunyai kuasa *de facto* untuk menentukan keputusannya, biar pun bertentangan dengan pendapat Sultan sendiri. Keputusan yang diambil oleh Haji Wan Musa itu akhirnya dimurkai oleh Sultan dan sebagaimana diduga, situasi di Kota Baharu seolah-olah mengancam kedudukannya sebagai Mufti.²⁸ Besar kemungkinan perkembangan Majlis agama Islam Kelantan yang baru saja ditubuhkan di Kota Baharu itu akhirnya meletakkan beliau dalam situasi di mana beliau terpaksa meletakkan jawatan Mufti yang dipegang selama ini.²⁹

Peristiwa harta pusaka di Kota Baharu itu tidak sekali menjejaskan pegangan dan kepercayaannya. Keputusan yang diambil itu jelas menunjukkan keengganan beliau untuk mengikut telunjuk pemerintah tradisional waktu itu. Kejadian itu juga membuktikan tentang kealimannya yang tidak terjejas oleh tarikan kebendaan. Haji Wan Musa berhijrah ke Besut di Trengganu di mana beliau terus menjalankan tugas menyibar ajaran al-Quran dan sunnah Nabi. Pernah satu ketika beliau ditawarkan jawatan Mufti Trengganu oleh Menteri Besar Haji Ngah Yusof, tetapi beliau menolak.³⁰ Beliau kembali semula ke Kota Baharu pada tahun 1920 semasa pemerintahan Sultan Ismail.

Mengenai kealimannya beliau dikatakan alim dalam ilmu Tasawuf dan Fiqh. Berlainan dari tokoh-tokoh Islam samada di Mesir, Sumatra dan di pantai Barat Tanah Melayu, Haji Wan Musa tidak pula mengutuk atau menolak peranan Tasawuf dalam amalan individu itu menghadapi tuhan-nya. Beliau dikatakan mengikut aliran *Tasawuf Wahdatul Wujud* (unity of existence)³¹ Imam Mahyuddin ibn al-Arabi yang sangat kuat ditentang

beliau telah dinasihat oleh Sultan supaya memberi kemenangan kepada Tengku Puteri. Bagaimanapun kebenaran keterangan ini agak meragukan kerana sumber yang digunakan oleh penulis tersebut cuma berdasar kepada sumber lisan semata-mata. Cf. Nik Aziz, 'Gerakan', h. 35.

28 Hakim Hj. Wan Muhammad iaitu adek kepada Haji Wan Musa yang akhirnya menggantikan jawatan Mufti yang dipegang oleh beliau dikatakan telah memberi perlindungan kepada Haji Wan Musa setelah ada ancaman dari pengikut Tengku Puteri yang bertujuan untuk mencerooboh keselamatannya.

29 Haji Wan Musa dikatakan telah meletakkan jawatan Muftinya pada tanggal Jun 1916. Perletakan jawatan itu juga dikatakan sebagai reaksi kepada pihak 'Majlis Ugama Islam' yang waktu itu sudah mula mengambil alih sebahagian besar dari tugas agama yang dipegang oleh Mufti. Pukulan yang paling besar terhadap Haji Wan Musa ialah apabila 'Dewan Ulama' ditubuhkan oleh Majlis. Mufti yang sepatutnya berfungsi sebagai tokoh agama yang tertinggi di negeri itu pada mulanya, tidak dijemput untuk menganggotai jawatankuasa tersebut. Lihat Kel. K. 303/1916, Minute. British Adviser, 29 April, 1916. Juga lihat surat, J.M. Jansen kepada Mufti, 13 Mei, 1916. Cf. *Undang-undang No. 10 tahun 1916*.

30 Roff, ed., *Kelantan*, h. 158. passim.

31 *Ibid.*, h. 155.

oleh Abduh sendiri.³² Beliau menerima aliran tasawuf sebagai jalan mensucikan keimanan insan, semata-mata atas kepercayaannya bahawa tasawuf tidak membawa seseorang insan itu untuk mengasingkan diri dari masyarakat atau pun bersifat jumud. Beliau percaya bahawa kalaupun berlaku pengasingan tetapi pengasingan itu seharusnya merupakan proses sementara sahaja untuk memberi keyakinan dan kekuatan kepada individu dalam mendekati dirinya kepada Tuhan. Dengan pengasingan itu juga manusia akan dapat menguasai dan mensucikan dirinya dari terbelenggu oleh sifat-sifat kehaiwanan dan tarikan kebendaan. Selesai proses ini beliau berpendapat bahawa manusia seharusnya keluar dalam masyarakat dan berjihad untuk menegakkan kebenaran Allah dalam segala aspek kehidupan di dunia. Dalam beliau menekankan tentang kepentingan ilmu tasawuf ini, Haji Wan Musa senantiasa mengingatkan bahawa sebelum seseorang itu mempelajari ilmu tasawuf, mereka hendaklah terlebih dahulu memahami disiplin ilmu Syariah kerana tanpa kekuatan Syariah akan menyesat individu dan membantutkan pemahaman doktrin dan matlamat tasawuf sendiri.³³

Kecenderungannya dalam ilmu tasawuf ini tidak terhad kepada memahami aliran *Wahdatul Wujud* ibnul Arabi semata-mata, malah beliau senantiasa membuka fikirannya untuk mengetahui dan mendalami aliran tasawuf yang lain yang terdapat di Kota Baharu waktu itu. Salah satu daripada aliran tasawuf yang diminatinya ialah aliran tasawuf *Ahmadiyah* yang pernah dikenalnya sewaktu berguru dengan ayahnya Tuan Tabal. Pada tahun 1921 datang seorang Syeikh Sufi dari Mekah bernama Syeikh Abu Hassan al-Ashari,³⁴ dan di kalangan umat Islam di Kota Baharu beliau dipanggil Sidi Azahari. Kealiman Sidi Azahari serta kepakaran beliau dalam aliran tarikat Ahmadiyah ini pada mulanya disanjung oleh Haji Wan Musa.³⁵ Beliau diwakafkan tempat tinggal di Kampung Laut oleh Haji Wan Musa berserta murid-muridnya.

Selain dari Haji Wan Musa, beberapa orang ulama seperti Haji Nik Wan Abdullah, Haji Mat Manan dan Haji Yaacob b. Hj. Ahmad turut berguru dengan beliau. Kealiman Sidi Azahari ini menyebabkan ramai orang kampung berkunjung ke Kampung Laut untuk mendengar syarah-

32 Mengenai Abduh dan pendapat-pendapatnya tentang tasawuf lihat Albert Hourani, *Arabic Thought in Liberal Age, 1789-1939*, London, Oxford University Press, 1962; Charles C. Adams, *Islam and Modernism in Egypt*, London, Oxford University Press, 1933. *passim*.

33 Sebagai seorang tokoh Islah, penyesuaian dan penerimaannya kepada ilmu tasawuf ini mungkin disebabkan oleh latarbelakang tasawuf yang ditanam oleh ayahnya sendiri. Penyesuaian disiplin ilmu Syariah dengan doktrin Tasawuf yang cuba diwujudkan ini menimbulkan jurang perbezaan luas di antara beliau dengan tokoh-tokoh Islah di Pantai Barat Tanah Melayu.

34 Lihat Kel. P.B. 79/1917. Setiausaha Majlis kepada Sultan Muhammad, 8 Mei, 1917. Beliau pada mulanya dikatakan tinggal di dalam perahu belakang sungai, Kota Baharu.

35 *Ibid*. Kepopularan Sidi Azahari ini mengakibatkan ramai penuntut pondok meninggalkan pondok mereka untuk menadah ilmu dengan beliau.

an agamanya. Bagaimanapun kegiatan Sidi Azahari di Kampung Laut itu tidak begitu dipersetujui oleh Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Lebih-lebih lagi kegiatan Sidi Azahari mengajar agama tanpa mendapat tauliah dari Majlis adalah bertentangan dengan dasar yang telah ditetapkan oleh badan agama itu.³⁶

Pentingnya Sidi Azahari dalam konteks ini bergantung kepada peristiwa di mana Haji Wan Musa telah menentang guru yang pada mula disanjungnya sebagai alim itu. Sikap Sidi Azahari yang cuba menjual harta wakaf yang diusahakan oleh Haji Wan Musa, dan murid-muridnya di Kampung Laut itu, berakhir dengan pepecahan pendapat di-antara ulama-ulama yang menyokong Sidi Azahari dengan Haji Wan Musa beserta pengikut-pengikutnya. Sidi Azahari yang dipandang oleh ulama-ulama lain sebagai seorang yang mempunyai martabat Wali dan ahli tasawuf ditentang oleh Haji Wan Musa kerana beliau telah bertindak bertentangan dengan pendapat Imam Shafie.³⁷ Perselisihan tidak berakhir setakat itu malah konflik kecil ini akhirnya berikuit dengan konfrontasi yang berterusan di antara murid Haji Wan Musa dengan golongan ulama-ulama yang begitu berpengaruh serta mereka-mereka yang rapat dengan *establishment*.

Untuk memperluaskan lagi pengetahuannya dalam ilmu fiqh, Haji Wan Musa turut berlanggan dengan Majallah-Majallah Islah yang diterbitkan di luar negeri seperti *Al-Manar* dan *Al-Urwa al-Wuthqa*.³⁸ Beliau juga sering menghubungi tokoh-tokoh Islah di pantai Barat Tanah Melayu serta di Negeri-Negeri Selat seperti, Syeikh Tahir Jalaluddin³⁹ dan Haji Abbas Taha⁴⁰ untuk melihat pandangan mereka dan berkesempatan juga membaca Majallah *Al-Imam*.⁴¹ Hubungannya dengan gerakan Islah di Asia Barat tidak terhad kepada membaca Majallah, malah beliau terus mengambil inisiatif berutus surat dengan tokoh-tokoh di Asia Barat seperti Syed Rashid Rida serta beberapa orang ulama besar di Mesir.⁴² Bagi meluaskan lagi pandangan Islahnya beliau turut menghubungi Mau-

36 *Ibid.*, Memo Datuk Setia kepada Syeikh Abu Hassan al-Azahari, n.d.

37 Besar kemungkinan di samping perselisihan atas soal motif yang menimbulkan pertentangan itu, penghijarahan ramai penuntut-penuntut dari Masjid Haji Wan Musa di jalan Merbau yang dahulu penuh sesak dengan penuntut; ke surau Kampung Laut mungkin mempengaruhi kedudukan beliau sebagai seorang guru agama. Pertikaian harta wakaf Kampung Laut antara Haji Wan Musa dengan Sidi Azahari ini berlarutan hingga terpaksa dibawa ke Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Lihat Kel. P.M. 293/24.

38 Nik Aziz, 'Gerakan', h. 36.

39 *Ibid.*

40 Lihat Nik Ahmad Hj Nik Hassan, 'The Malay Press' JMBRAS, Vol. 36, Pt. 1, No. 201, 1970, h. 51-55.

41 Tidak dapat dipastikan setakat ini sejauhmana *Al-Imam* berjaya mempengaruhi fikiran Islahnya. Bagaimanapun besar kemungkinan kehadiran Majallah itu memberi ilham kepadanya untuk meneruskan perjuangan Islah yang sudah sedia ada pada dadanya.

42 Lihat salinan surat pertanyaan Haji Wan Musa kepada Rashid Ridha, mengenai Masalah Talkin, n.d. [Dalam simpanan sdr. Nik Aziz].

lana 'Ubayd-Ullāh as-Sindhi⁴³ ulama besar di Mekah yang bertanggungjawab menyebarkan pandangan dan pendekatan Islah⁴⁴ Hahdhrat al-Imam al-Shah Waliyullāh al-Dihlawī dari India. Dikatakan Haji Wan Musa lebih cocok menerima pandangan Islah jalan Syah Waliyullah ini, memandangi kepada pandangan agama serta kepercayaan tasawuf guru itu lebih mudah memberi penyesuaian kepada pengetahuan dan pengalaman agama yang ada padanya. Melalui tokoh-tokoh Islah di dalam dan luar negeri ini, Haji Wan Musa bisa melihat pandangan mereka mengenai masalah talqin serta beberapa masalah furu yang sering dibangkitkan dalam akhbar-akhbar Melayu waktu itu. Sesuai dengan pengalaman ini Haji Wan Musa berpegang bahawa pendekatan kepada mempelajari ilmu fiqh seharusnya dilakukan secara analisa atau pencerakinan dan tidak bertaklid buta kepada ulama-ulama sebelumnya. Fahaman politik bermadzhab yang berbeda-beda di kalangan umat Islam menyebabkan hancurnya keutuhan agama Islam.⁴⁵ Perbedaan pendapat di kalangan imam-imam mujtahid hari ini dilihatnya sebagai akibat dari perpecahan itu. Justru kerana itu beliau bersependapat dengan tokoh-tokoh Islah di Asia Barat mahupun tokoh-tokoh Islah di India dan di Nusantara bahawa pandangan-pandangan ulama-ulama yang dikatakan mutakalimin itu seharusnya dinilai secara kritis supaya apa-apa ajaran yang bersetuju dengan ajaran Al-Quran dan Hadis Sahih sahaja diterima dan yang lainnya ditolak.

PERSELISIHAN MASALAH NIYYAH (NIAT)

Kepercayaannya kepada kemurnian cita-cita Islah itu menyebabkan beliau bertambah gigih untuk mengemukakan pendapatnya mengenai perkara-perkara bidaah yang lahir hasil dari amalan bertaklid buta yang banyak mengalir di Kota Baharu. Salah satu dari pendapat yang dikemukakan oleh Haji Wan Musa dan yang paling menarik perhatian ialah issue mengenai *Niyyah* atau Niat dan makarrannahnya.⁴⁷ Dikatakan pendapat

43 Lihat salinan surat Haji Wan Musa kepada Maulana 'Ubayd-Ullāh as-Sindh; 10 Rabiul Akhir, 1351 A.H. Cf. Nik Aziz, 'Gerakan', h. 140.

44 Mengenai ulama ini serta aliran Islah yang didukungnya lihat G.N. Jilbani, *Teaching of Shah Waliyullah*, S.H. Muhammad ASHRAF, Kashmiri Bazar Lahore (Pakistan), 1967; Aziz Ahmad, *Studies in Islamic Culture in the Indian Environment*, Oxford, Clarendon Press, 1969, h. 201-17 dan Baljon, m.s., "Prophesology of Shah Wali Allah", *Islamic studies*, Journal of the Islamic Research Institute, Pakistan, Vol. IX, No. 1, Mac, 1970.

45 Beliau juga telah membangkitkan tentang beberapa masalah furu yang lain seperti soal 'Ulama tidur di dalam Kubur'; 'tahlil', dan 'Niyyah' atau 'Niat'.

46 Haji Wan Musa berpendapat, mengikut sejarah Islam, ulama-ulama yang hidup pada abad kelima ataupun ulama-ulama yang dikatakan ulama mutaakhirin Syaffiah, berada dalam zaman di mana banyak muncul aliran fanatik beragama, serta pecah belah hingga menyebabkan hancurnya kemurnian ajaran Islam.

47 Kel. M. 115/21. Lihat Minute. Datuk Seri Paduka Raja, 10 Mac, 1921. Juga Kel. P.M. 191/19. Minute. Mufti Hj. Wan Muhammad kepada Datuk Bentara Jaya, 29 Julai, 1919.

Haji Wan Musa ini membawa kegoncangan pada ketenangan suasana beragama di Kota Baharu. Perselisihan mengenai masalah Niat ini bermula pada tahun 1918 lagi tatakala kembali Haji Wan Musa dari Trengganu setelah membuang diri beberapa waktu di negeri itu.⁴⁸ Soal itu tidak menjadi persoalan yang besar kerana orang ramai tidak begitu memerhatikannya. Bagaimanapun pada tahun 1921 akibat dari perselisihan antara ulama yang menyokong Sidi Azahari dengan mereka-mereka yang menentanginya, soal niat ini muncul semula sebagai ekoran kepada persengketaan yang mula-mula tadi.

Sesuai dengan fahaman Islah yang dipegangnya Haji Wan Musa telah mengeluarkan fatwa mengenai sembahyang yang tiada makarranahnya atau pun lafaz niatnya iaini “kasad,” “ta’ridh” dan “ta’ayeen.” Makarranah sebenarnya ialah niat sembahyang dan dalam mendahulukan niat sembahyang ini perlu ada ‘azam’ dan ‘kasad,’ ‘ta’aridh’ dan ‘ta’ayeen.’⁴⁹ Ringkasnya Haji Wan Musa dilapurkan telah mengeluarkan fatwa tentang tidak perlu seseorang itu menghadirkan makarranah atau niatnya dalam ‘takbiratul ihram’.⁵⁰ Beliau menjelaskan bahawa tanpa makarranah pun sembahyang seseorang itu masih tetap sah diterima oleh Tuhan. Fatwa baru Haji Wan Musa itu menimbulkan rasa curiga dan kurang yakin di kalangan para ulama Kelantan waktu itu yang selama ini telah diajar dan difahamkan tentang perlu disuarakan makarranah niat sewaktu mengangkat takbiratul Ihram. Kesan dari fatwa Haji Wan Musa ini melibatkan beberapa pertentangan fizikal di kalangan umat Islam Kelantan waktu itu istimewa di perkarangan masjid dan madrasah yang banyak bertaburan di Kampung-kampung sekitar mukim Kota Baharu.⁵¹ Mereka-

48 Perselisihan mengenai masalah ‘Niyah’ atau Niat ini pernah juga berlaku di Sumatera pada tahun 1910 apabila Haji Abdul Karim Amrullah (Haji Rasul) mengkritik perbuatan itu sebagai bidaah. Pendapat beliau mendapat sokongan dari Persatuan Islam Bandung yang dipimpin oleh Ahmad Hassan. Untuk butiran selanjutnya lihat H.M. Federspiel, *Persatuan Islam, Islamic Reform in Twentieth Century Indonesia*, New York, Cornell Modern Indonesia Project, Cornell University Press, 1970.

49 *Azam* adalah sesuatu kekuatan hati yang berbentuk niat di dalam diri manusia, supaya apa yang dikehendakinya tercapai dengan sepenuhnya dan ini dituruti dengan perbuatan.

ta’ridh (dalam perkataan) bererti sesuatu sebutan yang boleh difaham oleh orang yang mendengar maksud sebutan itu sendiri tanpa memerlukan kepada huraian yang panjang.

ta’ayeen ialah sesuatu yang dilahirkan dengan penuh yakin dan dengan terang. Lazimnya digunakan untuk membedakan sembahyang yang berbagai-bagai jenis.

kasad di dalam bahasa bererti, apa yang hendak dikata itu ada tetapi belum disebutkan. Untuk huraian selanjutnya lihat Abu Luwais Ma’lufi al-yasui, *Al-Mujid*, Beirut, al-Kathulikiyah, 1908, h. 518, 526 dan 568. Juga Shamsuddin Asshafil, *Al-Aqna’*, 3ed. Azhar, Mesir, h. 5.

50 ‘Takbiratul ihram’ bererti sebutan yang berbunyi “Allāhu Akbar.” Disebut pada masa memulakan sembahyang. Lihat keterangan selanjutnya dalam Gibb and Kramers, *Shorter Encyclopedia of Islam*, h. 561.

51 Akibat dari fatwa Haji Wan Musa ini, beberapa orang Islam yang menunaikan sembahyang di Masjid Kampung Laut, telah terlibat dalam satu pertentangan fizikal di perkarangan masjid itu sehingga ada yang mendakwa di dalam mahkamah. Lihat Kel. M. 115/21. Surat Haji Noh kepada Datuk Seri Paduka, 6 Mac, 1921.

mereka yang menjadi murid serta pengikut Haji Wan Musa, bersembahyang tanpa melafadzkan niat dan pada beberapa ketika merasa bangga atas perubahan baru yang mereka bawa. Sebaliknya golongan ulama yang masih kurang yakin dengan fatwa baru itu melihat perbuatan saudara-saudara mereka sebagai mencabar keutuhan ajaran guru-guru mereka dan besar kemungkinan mempersenda-sandakan ajaran agama Islam yang tulen. Perselisihan atas masalah Khilafiah⁵² ini memuncak hingga ada yang terpaksa dibawa bicara ke mahkamah kerana melanggar adat dan tertib di masjid.

Melihat betapa kekecohan masalah niat itu akan mendatangkan pecah belah di kalangan umat Islam, seorang ulama dari Kampung Laut, bernama Haji Noh bin Salleh telah merayu kepada Sultan Kelantan meminta dikeluarkan fatwa mengenai perkara itu.⁵³ Dalam surat rayuannya kepada Sultan Ismail beliau menyatakan tentang tidak ada nas yang ditemuinya yang menerangkan tentang tidak perlu dihadirkan niat semasa 'takbiratul ihram' dan beliau selanjutnya menjelaskan tidak pernah mendengar fatwa seperti itu dari guru-gurunya. Persoalan mengenai masalah Niat ini mendapat perhatian dari Pejabat Menteri cuma pada tahun 1921 apabila Haji Noh merayu sekali lagi kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan. Memandang kepada seriusnya masalah itu, pada bulan Mac, 1921, Sultan sendiri telah mengarahkan Datuk Bentara Jaya supaya mengemukakan pertanyaan kepada pihak-pihak berselisih itu untuk mencari satu jalan penyelesaian.⁵⁴ Dalam usaha untuk mendapatkan penyelesaian kepada masalah itu pejabat menteri telah mengemukakan beberapa persoalan kepada tokoh-tokoh yang terlibat serta juga kepada pihak Mufti Kelantan tentang 'takrif niat', 'kedua macamanakah yang dikatakan rupa niat' dan ketiga 'bagaimanakah niat yang mengisahkan sembahyang'.⁵⁵ Soalan pertama ditujukan kepada Hj. Noh kerana beliau merupakan tokoh yang mula-mula sekali mempersoalkan masalah itu.

Menjawab pertanyaan baginda Sultan itu, pada tanggal 30 Jun, 1921, Haji Noh menjelaskan 'takrif niat' yang difahaminya. Menurut beliau,⁵⁶

'Takrif Niyah itu ialah yang ditakrif oleh sekalian ulama yang mayhor iaitu [*men*] sic sahajikan satu hal keadaan menyintai dia dengan perbuatannya dan ialah yang dinamakan rupa niat.

52 Masalah Khilafiah atau masalah cabang dalam agama Islam sering menimbulkan perbalahan di kalangan umat Islam di Tanah Melayu, lazimnya berputar di sekitar soal 'Taklid dan Ijtihad'; 'Talkin', 'Qunut'; 'Niat' dan sebagainya.

53 Kel. M. 115/21. Haji Noh b. Salleh kepada Sultan, 3 Rabiul Awal, 1340, A.H. Beliau mendakwa telah menulis surat kepada pihak Majlis tanggal 28 Jan, 1920 untuk mendapatkan fatwa tetapi gagal mendapat sebarang jawapan.

54 *Ibid.*, Minute, Sultan 20 Mac, 1921.

55 *Ibid.*, Dalam satu mesyuarat yang dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan, Raja Muda, Tengku Temenggung dan Tengku Panglima, satu keputusan diambil untuk menulis surat kepada Haji Noh b. Salleh, Mufti Hj. Idris dan Hj. Wan Musa mengenai beberapa persoalan yang tersebut itu.

56 *Ibid.*, Jawapan Haji Noh kepada Sultan, 30 Jun, 1921.

Selanjutnya dijelaskan juga bahawa niat yang sah sembahyang, sebagaimana pernah dijelaskan oleh kebanyakan para ulama di Kelantan waktu itu mengandungi tiga syarat iaitu pertama kasad dengan hati semasa melakukan sembahyang. Kedua menentukan zat sebabnya atau waktunya dan ketiga “menyahaja ia akan fardhu jika ada ia fardhu”. Selain dari itu ditegaskan juga bahawa terdapat dua syarat yang wajib dilakukan semasa menjalankan upacara sembahyang iaitu pertama hendaklah disebut atau dinyatakan Niat takbiratul ihram dan kedua niat itu hendaklah berkekalan di dalam hati dari awal sehingga selesai takbir.⁵⁷ Pendeknya dalam menjalankan upacara sembahyang itu beliau berpendapat bahawa seseorang itu mesti meniatkan di dalam hatinya misalnya untuk sembahyang fardhu zuhur di sebut di dalam hati “Aku sembahyang fardhu Zuhur” dan dilakukan pula dengan tidak bersuara. Haji Noh menjelaskan bahawa sembahyang yang tidak menyempurnakan syarat-syarat ini, mengikut faham beliau, bererti niat sembahyang itu tidak sah dan seterusnya membawa kepada tidak sahnya sembahyang.⁵⁸

Huraian takrif niat, serta keterangan Haji Noh mengenai beberapa perkara yang disoal oleh Sultan itu nampaknya dipersetujui oleh Mufti Haji Idris.⁵⁹ Sebagai seorang ulama yang bertugas dengan *establishment* beliau merasa bertanggungjawab untuk menjelaskan maksud Haji Noh itu dengan lebih terang lagi. Dalam suratnya kepada pejabat Menteri, Mufti Haji Idris menerangkan bahawa takrif niat yang am bererti “terbuka atau terbangkit hati untuk mengerjakan sesuatu, disertai dengan perbuatan”.⁶⁰ Manakala mengikut tafsir yang khas umpamanya semasa hendak melakukan sembahyang fardhu, ianya bererti “terbuka atau bangkit hati dengan mengerjakan sembahyang fardhu megghrib umpamanya, disertai dengan takbiratul ihram.” Menjelaskan selanjutnya kemuskilan kedua yang dimajukan oleh pihak Sultan iaini tentang ‘rupa niat’ Haji Idris menerangkan,⁶¹

‘rupanya pada sebut atau tulisan “sahaja aku sembahyang fardhu Maghrib” umpamanya, inilah dikatakan lafadz atau ibadat niat yang berdiri pada hati. Maka rupanya pada sebutan tentulah bersuara, berhuruf dan bertertib dan demikian juga pada tulisan berhuruf dan bertertib di dahulu, kemudiannya. Adapun rupanya pada hati terbuka atau terbangkit hati, “Dengan sahaja aku sembahyang fardhu Maghrib” dengan tidak bersuara, berhuruf dan bertertib kerana hati bukan alat

57 *Ibid.*

58 *Ibid.*

59 Berasal dari Kampung Lorong Che Su di Kota Baharu tidak diketahui tarikh kelahirannya bagaimanapun fakta yang ditemui menunjukkan beliau meninggal pada tahun 1927. Beliau mendapat pengetahuan agama mula-mula di pondok Petani dan lepas itu meneruskan pengajiannya di Mekah. Di Mekah berkesempatan belajar dengan Tok Kenali. Kealimannya dikatakan dalam ilmu fiqh.

60 *Ibid.*

61 *Ibid.*

atau tempat menerbitkan suara dan huruf dan lagi hati dapat mencapai dalam satu lazah [sekali imbas] *sic* akan berapa maana yang diingat dengan tidak berhenti atas tertib bagaimana tidak terhenti memandang akan beberapa perkara yang dihadapan dua mata atas tertib, inilah yang dikatakan niat yang hakiki yang terdiri pada hati dengan tidak talazu [sedia ada] *sic* iaitu terjadi ada sendiri dengan takbiratul ihram, bahkan berkehendak kepada istihdar [menyebutkan ia] *sic* kepada takbiratul ihram. Maka, niat yang hakiki sebab ia tiada bersuara, berhuruf dan bertertib, nyatalah barang yang dilafadz atau yang diibarot bukan niat yang hakiki, kerana tiada diamal iaitu dapat menzahirkan niat yang hakiki dengan sebenar barang yang ada terdiri pada hati, melainkan dengan jalan disebut atau ditulis saja yang membawa kepada suara berhuruf dan bertertib menjadikan dia berlainanlah dengan niat yang hakiki itu.

Dan jika ada niat yang hakiki itu dalam takbiratul ihram sahlah sembahyang ataupun ada dahulu sedikit daripadanya, sahlah juga atas takbir dan jika tiada seperti demikian nescaya tiadalah sah sembahyang dengan ijmak ulama, dikecualikan orang yang tiada berkuasa menyiarkan niat hakiki itu.'

Fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti Haji Idris itu nampaknya tidak di persetujui oleh Haji Wan Musa. Mengikut pandangannya penjelasan kedua-dua orang ulama itu bukan saja akan mengelirukan masyarakat Islam malah disatu pihak pula seolah-olah bertujuan untuk memperkecil-kecilkan fatwanya sendiri. Beliau merasa bahawa pendapat ulama *establishment* itu perlu dicerakin dan dihurai agar umat Islam terutama sekali di Kota Baharu tidak terbelenggu dengan konsep taklid yang didukung oleh pemimpin mereka. Surat pertanyaan dari Sultan Ismail yang ditujukan kepada beliau atas soal yang sama membuka peluang baginya untuk menjelaskan maksud fatwanya yang sebenar.⁶² Di dalam satu risalah pendek yang ditulis kepada Sultan Ismail, Haji Wan Musa menerangkan bahawa perkataan 'Niyya' atau Niat itu sebenarnya berasal dari Bahasa Arab dan orang Arab menggolongkan 'azam' sebagai perkataan yang mempunyai maana yang hampir sama. Berbeda maana perkataan-perkataan itu disebabkan oleh perbezaan waktu ianya digunakan. Beliau menjelaskan bahawa sekiranya seseorang itu bercita-cita untuk melakukan sesuatu dan telah mengambil keputusan untuk melakukannya pada hal belum diperbuatnya, maka keadaan itu dinamakan dia 'azam'. Apabila cita-cita itu hampir dengan perbuatan maka dinamakan dia 'kasad' dan akhirnya apabila cita-cita itu berserta dengan perbuatan maka dinamakan dia 'Niyya'. Beliau mengatakan ulama seperti Ibnu Hajar mentafsirkan *ma'aniah* itu sebagai 'kasad'.⁶³ Menyambung keterangan tentang maksud niat sembahyang beliau mengatakan,⁶⁴

62 Kel. M. 115/21. Minute Datuk Seri Paduka, 20 Jun, 1921.

63 *Ibid.* Lihat surat keterangan Haji Wan Musa mengenai 'Maana Niat' dan 'Niat Sembahyang', 29 Syawal, 1339. Arkib Negara Malaysia.

64 *Ibid.*

'Niat sembahyang yang fardhu itu ialah cita-cita seseorang yang diputuskan dan yang sengaja dilakukan untuk membuat sembahyang fardhu, misalnya fardhu zuhur atau seumpamanya, disertai dengan takbiratul-ihram.

Jadi, niat yang disertai dengan takbiratul-ihram itu dikatakan dia makarranah.⁶⁵

Untuk memperteguhkan maksudnya beliau memetik pendapat Syeikh Daud Patani didalam kitabnya *Bughyatu't-Tullāb* yang mengatakan bahawa setengah ulama ada berpendapat bahawa menghadirkan niat atau pun tidak itu sepatutnya dilakukan terlebih dahulu sedikit daripada takbir.⁶⁶ Diterangkan juga bahawa cita-cita fardhu zuhur atau seumpamanya, dikatakan keadaan itu sebagai 'kasad' 'ta'ridh' dan 'ta'yeen'. Lantaran menurut beliau inilah yang dikatakan dia niat iaitu dilakukan tanpa dengan lughah atau sebutan, tanpa berhuruf dan juga tanpa bersuara. Bagaimanapun sekiranya cita-cita hati dan kerelaan yang tersebut itu, bila dituliskan di dalam bahasa Melayu seperti, "sengaja Aku Sembahyang fardhu zuhur" atau seumpamanya, jelas sekali keadaan itu tidak boleh diertikan sebagai maksud atau maana niat sembahyang yang sebenar. Beliau berpendapat bahawa keadaan itu lebih mirip diertikan sebagai 'ibarat huraian daripada niat'. Malahan di dalam bahasa Arab, ibarat huraian itu dinamakan sebagai "Hadith al-Nafsu" yang 'bererti perkhabaran hati'.⁶⁷ Berdasar kepada keterangan yang dikemukakan itu Haji Wan Musa mengulangi fatwanya dengan mengatakan jika seseorang itu berkata di dalam hatinya pada waktu hendak sembahyang "Aku sembahyang fardhu zuhur" atau umpamanya, maka sembahyangnya juga tetap sah kerana niat itu ada di dalam hatinya. Menurut Haji Wan Musa lagi, Niat ialah satu perbuatan yang mudah dan yang lazim dilakukan. Begitu juga niat tidak boleh dipisahkan dari perbuatan seseorang yang disengajakan. Untuk memperteguhkan lagi hujah-hujahnya beliau memetik pendapat imam Al-Amiri dan Imam Al-Ghazali serta beberapa orang imam yang lain yang mengatakan bahawa 'sekiranya manusia itu hendak melakukan sesuatu perbuatan yang disengajakan tanpa niat, nescaya lemah ia', [maksudnya perbuatan itu tidak boleh jadi] *sic*. Berpandukan pendapat imam-imam yang mengatakan Niat ialah pekerjaan yang lazim dalam perlakuan manusia yang disengajakan, Haji Wan Musa mengambil kesimpulan bahawa tidak ada faedah bagi seseorang itu mewajibkan menyebut Niat.

TENTANGAN

Penjelasan Haji Wan Musa atas soal niat yang berbangkit itu menunjukkan ketegasannya dalam soal agama. Ini juga membuktikan keazaman-

65 *Ibid.* Beliau juga menjelaskan bahawa makarranah itu boleh dibagi kepada dua iaitu Makarranah Kamaliah dan Makarranah Arfiah.

66 *Ibid.*

67 *Ibid.*

nya untuk menghapuskan sikap taklid buta yang banyak berlaku dalam masyarakat Melayu istimewa pula di Kota Baharu. Sebagai seorang tokoh Islah beliau telah membuktikan kealiman serta kegigihannya. Sebagaimana biasa, reaksi dari ulama *establishment* di Kelantan waktu itu agak terburu-buru. Penjelasan Haji Wan Musa itu nampaknya tidak dipersejutujui oleh Mufti Haji Idris⁶⁸ serta beberapa orang ulama yang berpengaruh dalam pentadbiran ugama di Kota Baharu. Keterangan serta fatwa Haji Wan Musa itu dilihat bukan saja akan mengelirukan orang ramai malah besar kemungkinan ada di antara umat Islam yang masih belum dalam pengetahuan agamanya akan memperkecil-kecilkan agamanya sendiri. Mereka berpendapat bahawa seorang ulama seperti Haji Wan Musa yang sudah tahkik dan mendalam ilmu agamanya serta mahir pula dengan amalan tasawuf sudah barang tentu dapat menjalankan upacara sembahyang dengan penuh Khosok walaupun tanpa menzahirkan niat. Bagaimana pun pentadbiran agama waktu itu melihat gejala dan amalan itu tidak sesuai bagi masyarakat umum. Lantaran dengan kuasa yang ada pada mereka, satu *perwawai*⁶⁹ yang bercorak nasihat digubal untuk mengingatkan orang ramai supaya jangan mengikut fatwa baru itu dan sebaliknya mereka dinasihatkan supaya terus bersembahyang ikut melafadz niat yang sedia ada.

Keputusan Mufti Haji Idris mengeluarkan pemberitahu melarang orang ramai dari mengikut fatwa Haji Wan Musa itu ditentanginya dengan satu jawapan bertulis.⁷⁰ Untuk menjawab persoalan-persoalan yang dikemukakan oleh Haji Wan Musa, satu risalah bertajuk *Tazkiratu al-Apkar*, diterbitkan di Mekah antara tahun 1922-23 oleh Syeikh ul-Islam Selangor iaitu Tengku Mahmud Zohdi. Risalah itu terang-terang mengkritik Haji Wan Musa dan fatwanya. Bagaimanapun sesuai dengan sifatnya sebagai seorang tokoh Islah Haji Wan Musa, menerima kritik-kritik itu sebagai sebahagian dari pengalaman hidup yang mesti ditempuh. Cabaran Tengku Mahmud Zohdi, Mufti Selangor itu pun dijawabnya dalam satu risalah, walaupun beliau tidak sempat menerbitnya.⁷¹

68 Kel. M. 115/21. Fikiran dan Fatwa Haji Idris, 15 Mac, 1921. Di dalam suratnya kepada Datuk Seri Paduka, Mufti Haji Idris menjelaskan lagi.

"Oleh sebab telah masyhur sangat ada jatuh perkara yang dimushkilkan oleh surat rayu hal itu, pada fikiran hamba patut juga dikeluarkan notis pada segala daerah jajahan yang disyaki ada perkara itu, bahawa sesungguhnya bila didapati tahu akan sesiapa yang mengaku beramal, berpegang atau mengajar masalah itu pun dan niat yang pelik kesalahan dengan orang ramai, akan disaman dan dibawa bicara di Mahkamah, apabila sabit, boleh dita'azirkan dia dengan apa yang sepatut ..."

69 *Ibid.* Deraf. *Pemberitahu, Kerajaan Kelantan, Nasihat Berkenaan dengan Niat Sembahyang*. *Perwawai* ialah *Notis Pemberitahu* yang dikeluarkan oleh pihak pemerintah kepada anggota masyarakat, kiranya timbul sesuatu perkara mustahak yang patut diumumkan.

70 Lihat salinan surat Haji Wan Musa kepada Mufti Haji Idris, n.d. [Dalam simpanan Sdr. Nik Aziz].

71 Lihat salinan surat jawapan Haji Wan Musa kepada Tengku Mahmud Zohdi, Syeikh al-Islam, Selangor, n.d. [Naskah salinan, dalam simpanan penulis].

Sepanjang hidupnya beliau banyak menghabiskan waktu mengajar agama bukan saja kepada orang ramai malahan beliau seringkali dipanggil ke istana untuk mengemukakan pendapatnya mengenai perkara-perkara agama.⁷² Sebagai seorang guru agama fikirannya yang kritis itu kadang kala mencetuskan reaksi dari pihak yang dikritik. Salah satu lagi perkara yang menimbulkan perselisihan antara beliau dengan golongan ulama dan pentadbir *Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan* ialah bila beliau mengkritik dasar Majlis menaikkan kutipan zakat fitrah dengan sewenang-wenangnya. Kenaikkan itu dilihatnya sebagai satu bebanan tiap-tiap tahun yang terpaksa dipikul oleh rakyat.⁷³ Biar pun Majlis mempunyai tujuan-tujuan positif mengutip zakat,⁷⁴ tetapi pada dasarnya prinsip menaikkan harga bayaran zakat fitrah itu dirasakan sebagai tidak adil. Pertentangan antara Haji Wan Musa dan Majlis Ugama Islam Kelantan mencapai klimaknya apabila beliau mengambil kesempatan untuk mempertahankan fatwa yang dikemukakan oleh anaknya Hj Nik Abdullah⁷⁵ mengenai 'Masalah Jilatan Anjing' iaini satu perbahasan hangat yang berlaku di perkarang Istana Jahar pada tahun 1937.⁷⁶

PERBAHASAN 'MASALAH ANJING' DI KOTA BAHARU 1937

Perdebatan mengenai masalah jilatan anjing yang berlaku di Kota Baharu pada tahun 1937 itu berpunca dari pendapat yang diketengahkan oleh Haji Nik Abdullah b. Haji Wan Musa. Berpegang kepada konsep Talfik (talfiq) di dalam bertaklid, beliau telah menerangkan kepada Tengku Ibrahim yang bergelar Raja Kelantan waktu itu (kemudian Sultan 1944–1960) bahawa umat Islam boleh memelihara anjing tanpa disamak bekas air liornya jika pemeliharaan anjing itu mempunyai motif-motif tertentu. Pendapat ini dirujuk kepada Imam Malik bin Annas, iaitu salah seorang daripada empat Imam yang diakui oleh Ahli Sunnah Waljamaah. Penda-

72 Roff, ed., *Kelantan*, h. 158.

73 Lihat Kel. M. 120/1916. Petition Haji Wan Abdullah b. Abdul Samad, bersama-sama 526 orang to H.W. Thomson, 5 Julai, 1919. *Pengasoh*, Bil. 24, (15 Ramadhan, 1337). Pihak Majlis mensyaki bahawa Haji Wan Musalah orang yang mengilhamkan surat petition itu.

74 Dalam hal ini pihak Majlis berpendapat bahawa, Masjid batu yang hendak didirikan di Kota Baharu waktu itu memerlukan wang untuk melaksanakan pembinaananya dan cuma melalui kutipan wang zakat mereka berharap cita-cita itu boleh terlaksana. Lihat Kel. M. 149/1919. Haji Wan Musa dikatakan tidak pernah meletakkan kakinya di Masjid Besar itu sehingga habis hayatnya.

75 Lahir pada tahun 1909 di jalan Merbau, Kota Baharu, Kelantan, Hj. Nik Abdullah ialah anak kepada Hj. Wan Musa. Terkenal sebagai seorang ulama 'alim yang paling kontroversial sekali terutama pada tahun 1934 di Kota Baharu. Mendapat pendidikan agama di Mekah melalui seorang guru bernama Maulana 'Ubayd-'Ullah as-Sindhi. Melalui ulama ini beliau telah diperkenalkan beberapa buah kitab tulisan Syah Waliyullāh al-Dehlawi spt, *Al-Fauz al-Kabir Fiusul al-tafsir*; *al-Musawwā*; *al-insāffibayān sabab al-iktilaf* dan *Hujjat Allāh al-Bālighah* serta beberapa banyak lagi karyanya yang lain. Kerana minatnya pada tariq Syah Waliyullāh ini beliau digelar oleh gurunya sebagai al-Ulamā' ar-Rāsikhin.

76 Lihat Haji Abbas Taha, *Risalah Penting*.

pat Haji Nik Abdullah ini tidak dipersetujui oleh beberapa orang ulama di Kota Baharu yang bertaklid kepada imam Syafie. Bagaimanapun kematian Haji Nik Abdullah secara mengejut meninggalkan issue itu tanpa berjawab.⁷⁷ Sebagai seorang tokoh agama yang kuat berpegang kepada dasar Islah dalam Islam, Haji Wan Musa mempercayai bahawa pendapat yang dikemukakan oleh anaknya Haji Nik Abdullah, itu benar.

Ditinjau dari perspektif yang lain pula, kesanggupan Haji Wan Musa untuk mempertahankan pendapat Haji Nik Abdullah itu berkemungkinan membawa beberapa implikasi. Besar kemungkinan perdebatan mengenai masalah anjing itu akan memberi peluang kepadanya untuk membuka semula luka lama yang pernah wujud antara beliau dengan pihak Majlis Ugama Islam dan Istiadat Melayu Kelantan. Secara tidak langsung juga tempas perdebatan itu akan dirasai oleh golongan-golongan yang pernah merencanakan pembentukan Majlis seperti Datuk Perdana Menteri Hj Nik Mahmud. Cuma yang berbeza, kali ini beliau terpaksa berkonfrantasi secara terbuka dengan ulama-ulama Majlis. Malah jika dilihat lebih jauh lagi, wujudnya persengketaan itu dengan sendirinya akan membawa beliau lebih hampir kepada pihak istana. Sebagai seorang tokoh agama yang pernah suatu ketika dahulu mendapat tempat di kalangan pemerintah di istana, maka peluang keemasan itu tidak dilepas begitu saja. Konsep Talfik di dalam bertaklid yang dimajukan oleh Haji Nik Abdullah itu perlu disokong kerana ini bererti memulih kembali martabat dan kedudukannya yang telah tergugat sejak tahun 1916 lagi.

Lantaran untuk mempertahankan pendapat Haji Nik Abdullah, beliau telah bertemu dengan beberapa orang ulama Majlis ketika itu, dalam satu perbincangan tertutup di Istana Jahar pada tahun 1936.⁷⁸ Ulama Majlis yang diwakili oleh Kadhi Besar Haji Ahmad Mahir⁷⁹ dan Mufti Haji Ibrahim Penambang⁸⁰ menentang konsep talfik di dalam beragama dengan alasan bahawa konsep itu adalah bertentangan dengan Mazhab Imam Syafie, iaitu Mazhab yang telah diperakui dalam perlembagaan

77 Kebetulan pada waktu Raja Ibrahim ada membela seekor anjing. Untuk mengelakkan dari dikritik oleh segolongan ulama yang mencurigai sikapnya, beliau telah meminta fatwa berhubung dengan masalah itu dari Hj. Nik Abdullah.

78 *Ibid.*

79 Lihat Ismail Awang, 'Haji Ahmad Mahir, ulamak yang serba boleh', *Pengasuh*, Bik. 409, (Sept.—Okt., 1975), h. 22-23.

80 Kel. B.A. 302/28. Minute Appointment of Mufti. Beliau dilahirkan lebih kurang pada tahun 1872 dan meninggal pada tahun 1952. Bapanya dikatakan berasal dari Minangkabau dan emaknya dari Jawa. Sejak kecil dihantar ke Mekah, belajar agama dengan Haji Wan Ali Kutan, Haji Wan Ahmad b. Mohd. Zain b. Mustapha al-Patani dan Syaikh Hasbullah. Kembali ke Kota Baharu menetap di Kampung Atas Banggol dan akhirnya di Penambang, Kota Baharu. Terkenal alim dalam ilmu fiqh dan tasawuf. Dilantik menjadi Mufti pada tahun 1928 menggantikan Mufti Haji Idris bin Hassan pada 25 Feb., 1928 dengan gaji \$200/- sehingga 1941. Sebelum ini pernah menyandang jawatan guru besar sekolah Majlis tatakala sekolah itu dibuka pada tahun 1917. Karya yang ditulisnya berjudol, *Jiwa Amalan* dan *Fawaidunia Wal Akhirah* tapi tak sempat dicetak.

Negeri Kelantan. Dengan itu juga umat Islam pada umumnya dikehendaki patuh kepada aturan itu. Mereka mendakwa bahawa sekiranya konsep talfik yang dimajukan itu dibenarkan amalannya kepada orang-orang awam (orang biasa), besar kemungkinan ia akan menimbulkan perselisihan faham serta pecah belah, terutama di kalangan mereka-mereka yang belum begitu mendalam pengetahuan agamanya. Lantaran tanpa penyokong yang dapat mempertahankan pendapatnya, Haji Wan Musa meninggalkan medan perbahasan itu dengan penuh perasaan dendam.

Pada tahun itu juga sewaktu menghantar anaknya ke Mekah, Haji Wan Musa berkesempatan bertemu dengan Haji Abbas Taha iaitu ulama Islah di Kota Singapura yang pernah mencadangkan penubuhan 'Dewan Perhimpunan Ulama Kaum Semenanjung'. Menyedari jiwa Islah yang ada pada Haji Abbas Taha, Haji Wan Musa mengemukakan masalah Talfik yang pernah menimbulkan perbahasan pertama antara beliau dengan ulama Majlis dahulu. Pendapat Haji Wan Musa dipersetujui oleh Haji Abbas Taha, begitu juga Dr. Burhanuddin al-Helmy yang kebetulan waktu itu berada di Singapura, nampak turut bersependapat dengan konsep talfik yang ditimbulkan oleh Haji Nik Abdullah. Kedua-dua tokoh bersetuju menghadapi ulama Majlis di Kota Baharu.

Melihat kecenderungan kedua-dua pihak yang mahu mempertahankan hujjah mereka, Raja Kelantan akhirnya bersetuju mengadakan majlis perdebatan kedua pada 1937 bertempat di Istana Cemerlang. Ulama Majlis diwakili oleh Mufti Haji Ibrahim Penambang, Kadi Besar, Haji Ahmad Mahir, Haji Mat Manan⁸¹ dan Haji Abdullah Tahir⁸². Walaupun Haji Abdullah Tahir bukan seorang ulama Majlis waktu itu tetapi disebabkan beliau merupakan tokoh pendidik yang paling berpengaruh di Bunut Payong, beliau dipanggil juga untuk mempertahankan kedudukan Majlis. Biar pun perdebatan itu terhad bilangan pemerhatinya, ternyata kehangatan yang terasa di kalangan umat Islam sekitar Kota Baharu terhadap issue itu, berkemungkinan mengwujudkan reaksi penentangan di hadapan pengikut-pengikut dua belah pihak.

Di dalam mempertahankan konsep talfik dalam bertaklid, Haji Wan Musa, Haji Abbas Taha dan Dr. Burhanuddin nampaknya bersetuju dengan pendapat Imam Malik yang mengatakan harus seseorang itu bersembahyang tanpa disamak air lior anjing. Berhadapan dengan soal yang dikemukakan tentang apakah hukum yang patut diikuti jika seseorang

81 Lahir lebih kurang tahun 1884 dan meninggal pada 1938. Berguru dengan ayahnya dan sering berdamping dengan Haji Wan Musa sebelum berlepas ke Mekah. Kembali dari Mekah mengajar agama di Bukit Panau, lepas itu bertugas sebagai Kadi di Mahkamah Syariah.

82 Tokoh agama yang membuka pondok Ahmadiyah di Bunut Payong. Anak kepada Haji Ahmad, lahir pada tahun 1897 dan meninggal pada tahun 1961. Di Mekah belajar dengan guru bernama Tuan Mukhtar. Satu ketika pernah dilantik menjadi anggota Majlis. Turut mengajar di Masjid Besar Kota Baharu.

bertaklid kepada Imam Malik pada masalah suci anjing tetapi tidak pula mengikut Mazhabnya ketika mengambil air sembahyang; Haji Wan Musa menjelaskan bahawa seseorang itu boleh bertaklidkan kepada tiap-tiap daripada imam yang empat samada Hanafi, Maliki, Syafii dan Hambali. Untuk menguatkan hujahnya beliau memetik sabda Nabi di dalam kitab *Tazkiratul Ikhwan* yang bermaksud, “Bersalah-salahan umatku itu rahmat.”⁸³ Menurut Haji Wan Musa lagi di dalam proses bertaklid walaupun pada mulanya seseorang umat Islam itu melakukan ibadat tanpa mengetahui mazhab siapa yang diturutinya kemudian selepas itu diketahui amalan-nya itu bersetuju dengan pendapat seorang Imam yang tertentu, maka ia boleh bertaklid sahaja kepada imam itu. Menjelaskan lagi maksudnya, Haji Wan Musa memetik pula pendapat al-Said Umar al-Basri di dalam kitab *al-Fawaidul Madaniyah* yang menyatakan jika seseorang itu beramal dengan hadis yang dhaif (lemah) tetapi hadis dhaif itu tidak pula bercanggah dengan hadis yang sahih (paling betul) maka dengan sendirinya taklidnya itu boleh diterima. Berpandukan keterangan-keterangan di atas Haji Wan Musa berpendapat bahawa harus seseorang itu bertaklidkan Imam Maliki dalam soal suci air lior anjing itu.

Menyokong pendapat Haji Wan Musa mengenai persoalan itu, Haji Abbas Taha pula menerangkan bahawa di dalam kitab *Syarah al-Asqalani*,⁸⁴ beberapa orang ulama seperti Ibnu Abdul Basri dan juga ulama Shafii sendiri, mengharuskan pembelaan anjing sekiranya anjing itu dibela untuk motif-motif tertentu seperti memburu, menjaga harta benda dan tanam-tanaman dari dirosakkan oleh musuh dan sebagainya. Pendapat yang mengatakan harus anjing itu dibela bersandarkan kepada hadis Nabi yang dibawa oleh Ibnu Umar yang berbunyi “barang siapa menaruh anjing nescaya kurang daripada amalannya tiap-tiap hari seberat dua qirat.” Hadis ini telah disahkan oleh al-Bukhari, Muslim, al-Tarmizi, al-Nisaii dan Ahmad.⁸⁵ Jelas keterangan yang dibawa oleh hadis-hadis itu tidak menyatakan bahawa tidak boleh seseorang itu membela anjing, malah sebaliknya dikatakan harus. Lantaran dengan hujjah-hujjah lain yang lebih konkrit Haji Abbas Taha bisa menolak pendapat ahli Majlis mengenai larangan menaruh atau membela anjing di rumah. Malahan ketiga-tiga tokoh Islah itu berpendapat bahawa konsep talfik ini sebenarnya timbul pada abad kelima iaitu ketika kuatnya fahaman fanatik beragama dalam masyarakat Islam. Oleh yang demikian konsep talfik sebenarnya tidak bertentangan dengan persoalan pokok agama Islam yang benar. Begitu juga Imam Syafii sendiri pun tidak pernah memperkatakan perkara talfik. Ini juga menjelaskan bahawa persetujuan al-Syafii yang

83 Cf. Haji Abbas Taha, *Risalah Penting*.

84 *Ibid*.

85 Lihat *Risalah Penting*. Hadis-hadis yang disahkan oleh mereka yang tersebut ini menunjukkan Hadis itu adalah hadis yang sahih atau kuat dan boleh dipakai.

mengatakan makruh anjing itu dibela, mungkin disebabkan beliau sendiri merasakan masalah tersebut pada zamannya tidak begitu dipersoalkan dan kerana itu juga beliau tidak memberikan penjelasan yang lebih spesifik terhadap masalah itu. Dengan itu juga ahli-ahli Islam itu mengatakan, talfik sebenarnya adalah ciptaan ulama mutakhirin dan kerana itu problem yang diketengahkan sudah tentu boleh dibicarakan dengan pandangan rasional.

Dalam proses berlakunya perdebatan itu, ulama-ulama Majlis nampaknya masih terus berpegang kepada dasar pegangan mereka yang mula-mula.⁸⁶ Tentangan mereka terhadap konsep talfik didasarkan kepada kemungkinan timbulnya pecah belah jika dibenarkan perkara itu diamalkan. Malah lebih jauh lagi mereka menjelaskan bahawa tentangan mereka terhadap konsep talfik di dalam bertaklid itu bersandar kepada pendapat Syeikh Ibnu Hajar al-Haitami yang melapurkan pula bahawa al-Syafi sebenarnya mengatakan dengan muktamat bahawa anjing itu tidak suci dipelihara. Dan pendapat-pendapat lain yang mengatakan harus itu, sebenarnya merupakan pendapat-pendapat yang lemah. Jika talfik berdasarkan pendapat yang lemah maka proses itu dengan sendirinya tidak boleh dipakai dan jika diamalkan nescaya sia-sia. Pegangan ulama Majlis terhadap mutlaknya pendapat Ibnu Hajar al-Haitami ini diasaskan kepada perkataan Syeikh Sulaiman al-Kirdi al-Madani di mana antara lain ulama itu menjelaskan,⁸⁷

“adapun atas barang yang menjalani atasnya oleh Ibnu Zaid di dalam fatwanya daripada bahawa sanya yang memberi cedera pada talfik itu bahawa sesungguhnya adalah apabila ada ia pada satu qadiyah jua bersalahan.”

Perbahasan yang berlangsung di Istana Cemerlang itu tidak mencapai apa-apa keputusan.⁸⁸ Untuk mencari penyelesaian kepada perselisihan itu, Raja Kelantan yang waktu itu menjadi Yang Di Pertua Majlis, menghantar tiga pertanyaan berhubung dengan masalah anjing kepada Syed Mohd. Mustaffa al-Maghari Syeikh al-Azhar.⁸⁹ Pada 1 April 1937 jawapan dari al-Azhar itu menjelaskan, sekiranya seseorang membela atau memelihara anjing dengan tujuan untuk berburu, mengawal kampung rumah dan lain-lainnya, maka perkara itu adalah harus mengikut Syarak. Kedua, dijelaskan bahawa masalah “talfik” adalah harus berdasarkan pen-

86 Untuk orang ramai, telah ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri Kelantan bahawa Mazhab yang dipraktik terpakai di Negeri Kelantan hendaklah Mazhab Shafie sahaja.

87 Haji Abbas Taha, *Risalah Penting*.

88 Hasil daripada perbahasan itu, Haji Abbas Taha bersama-sama Haji Wan Musa telah menerbitkan sebuah risalah yang bertajuk *Risalah Penting pada masalah Jilatan Anjing di atas empat Mazhab* dan dicetak di Singapura oleh al-Ahmadiyah Press, 1937.

89 Lihat ‘Masalah Suci Anjing,’ *Al-Hikmah*, Bil. 138, th. 4 (1 Mei, 1937), h. 10.

dapat yang kuat dari Mazhab Imam Malik. Ketiga, mengenai masalah suci anjing, jawapan itu menerangkan, bahawa tidak ada dalil yang mukamat mengenainya. Ianya merupakan masalah 'cabang' yang boleh diijtihadkan.⁹⁰ Pada umumnya jawapan dari Mesir itu menjelaskan kepada kita tentang aliran yang diikuti oleh ulama-ulama yang berselisih di Kota Baharu itu. Bagaimanapun dari segi masyarakat polimik itu menunjukkan betapa kecenderungan terhadap masalah agama sudah pergi begitu jauh.

Akhirkata dapat dikatakan bahawa peranan yang dimainkan oleh Haji Wan Musa untuk mengwujudkan kesedaran Islah di Kelantan begitu dinamis sekali. Walaupun keislahan yang diwujudkan begitu jauh sekali menyimpang dari amalan islah tokoh-tokoh Islah, baik di Asia Barat mahupun di Pantai Barat Tanah Melayu, yang menentang amalan tarekat; ternyata jalan islah yang didukungnya telah mencetuskan satu kesedaran islah yang agak tersendiri di Kota Baharu. Kelainan ini juga membuktikan bahawa pola kegiatan Islah di Kelantan adalah jauh berbeda, dan tersendiri dari negeri-negeri lain baik di pantai Barat Tanah Melayu mahupun di Asia Barat. Sebagai *popular figure* yang agak unik di Kelantan Haji Wan Musa bisa mempertahankan prinsip Islahnya walaupun berhadapan dengan tentangan yang begitu hebat dari pihak *establishment*.

Keradikalannya terletak bukan saja pada keengganannya mengikut telunjuk pemerintah tradisional di Kota Baharu waktu itu, malah lebih tepat lagi jika dikatakan Haji Wan Musa merupakan ulama yang mula-mula sekali berani mengemukakan pandangan Islahnya secara terbuka dan tanpa takut-takut memanasifasikan tentangannya kepada amalan taklid buta yang dilihatnya sebagai faktor penting yang menjumudkan fikiran masyarakat Islam di negeri Kelantan. Bagaimanapun halnya, keradikalan Haji Wan Musa, seperti mana dengan tokoh-tokoh Islah di pantai Barat Tanah Melayu, masih mempunyai batasan-batasan tertentu. Pada beberapa ketika tindakannya memperlihatkan ciri-ciri penyesuaian dan tolak ansur dengan golongan pemerintah tradisional di Kelantan. Keinginannya untuk terus berhubung rapat dengan golongan istana, sebagaimana yang dimanifestasikan dari peristiwa perbincangan masalah anjing yang berlaku pada tahun 1937 itu, membuktikan betapa beliau masih belum dapat melepaskan dirinya seratus peratus dari ikatan tradisional yang membelenggu hidupnya.

90 *Ibid* dan Cf. *Risalah Penting*, h. 97-99.

